

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1985/86

SUP401: Pembangunan Usahawan

Tarikh: 12 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

---

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Mengikut Popenoe terdapat beberapa ciri adat dan sikap di kalangan orang-orang Melayu yang boleh menerangkan mengapa orang-orang Melayu dahulunya kurang berjaya di dalam perniagaan. Pertikaikan andaian-andaian tersebut di dalam konteks Dasar Ekonomi Baru.
2. "Teori Permintaan Pengguna yang khusus sahajalah yang dapat menerangkan dengan mendalam kejayaan orang-orang Cina di dalam perniagaan di Malaysia." Bincangkan.
3. Sebuah syarikat Bumiputra baru-baru ini telah diberi hak oleh Edaran Otomobil Nasional (EON) untuk membuka kedai Proton Saga di kawasan pulau di negeri Pulau Pinang. Pengusaha tersebut sibuk mencari tempat yang sesuai bagi memulakan kedainya. Cadangkan dengan memberi alasan-alasan yang sesuai, di manakah patut beliau meletakkan tapak perniagaannya bagi memaksimumkan jualannya. Di dalam membuat cadangan tersebut, saudara perlu ingat yang pihak EON akan hanya membenarkan pembukaan kedai baru jika ianya tidak terlalu dekat dengan kedai-kedai Proton Saga yang sedia ada.
4. Peters dan Waterman pernah mengatakan bahawa untuk berjaya di dalam perniagaan, salah satu daripada faktor yang penting ialah organisasi mestilah "hampir dengan pelanggan". Apakah maksud dengan istilah ini dan sejauhmanakah ianya berkaitan dengan proses mensasarkan pelanggan bagi memperluaskan sesebuah perniagaan kecil?

...2/-

5. Kaum-kaum pendatang dari keturunan Cina dan Jepun dikatakan berjaya di dalam perniagaan berbanding dengan orang-orang berkulit hitam di Amerika Syarikat kerana mereka mempunyai punca kewangan dari "kredit berputar". Sejauh manakah hal ini dapat disamakan dengan keadaan yang terdapat di kalangan kaum-kaum pendatang di Asia Tenggara? Bincangkan.
  
6. Terangkan mengapakah kebanyakan perniagaan-perniagaan kecil selalunya gagal. Apakah faktor-faktor yang mungkin menyumbang terhadap kegagalannya. Kemudian cadangkan beberapa langkah yang mungkin dapat diambil bagi mengelakkan dari berlakunya kegagalan di masa-masa yang akan datang.

-ooo000ooo-